ADAB-ADAB BELAJAR *

(Oleh: Ahmad Fauzi bin Mohamed)

Pendahuluan

Menuntut ilmu amat diutamakan di dalam kehidupan seseorang muslim. Keutamaan belajar atau menuntut ilmu dalam Islam adalah lebih utama dari sembahyang sunat. Imam Syafi'i r.a. berkata "menuntut ilmu itu lebih utama dari sembahyang sunat." Dalam perkembangan yang sama Abu Darda' pula diriwayatkan berkata "kiranya saya dapat mempelajari suatu masalah, itu adalah lebih saya cintai daripada saya bangun beribadat sepanjang malam. Orang alim dan orang yang menuntut ilmu itu adalah dua orang yang berkongsi dalam kebaikan. Sementara orang-orang selain dari keduanya adalah sia-sia belaka, tiada berguna sama sekali".

Adapun ayat al-Quran yang berhubung dengan keutamaan belajar itu, di antaranya ialah yang bermaksud "Mengapa tidak ada sekelompokpun dari setiap golongan mereka itu, yang berangkat untuk menambah ilmu pengetahuan agama." (at-Taubah: 122). Sementara itu dalam hal yang sama telah diperjelaskan oleh Rasulullah S.A.W. mengenai kelebihan belajar melalui hadis-hadis berikut yang bermaksud "Barang siapa menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu pengetahuan maka Allah s.w.t. akan mendorongkan baginya jalan ke syurga."; "Andaikata anda berangkat untuk mempelajari suatu bab dari ilmu pengetahuan, adalah lebih utama dari sembahyang seratus rakaat."; dan "Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas setiap orang muslim.".

Ciri-Ciri dan Adab Pelajar

Dari perspektif Islam, seseorang pelajar atau murid harus mempunyai beberapa ciri sebagai seorang pelajar. Ini penting agar ilmu yang hendak dicapai bukan sahaja dapat difahami tetapi memperolehi keberkatan daripada Allah. Adab juga penting untuk mewujudkan keharmonian hubungan antara pelajar dengan pengajar. Hubungan yang baik di antara guru dengan pelajar bukan sahaja akan mempercepat tetapi juga memudahkan proses penimbaan ilmu pengetahuan. Menurut Ibn 'Aqnin dalam Rosenthal (1992) sembilan syarat yang dituntut bagi seorang pelajar muslim ialah (a) kesucian sifat; (b) kesediaan untuk menanyakan soalan, dan semangat yang kritis yang tidak menerima secara membuta segala apa yang diajarkan, tetapi walaupun demikian mengakui akan kelebihan pengalaman gurunya; (c) tidak menghiraukan hal-hal kewangan dan keluarga; (d) mahir dengan prinsip disiplin yang diberikan dahulu dan kemudian barulah butir-butirnya supaya mampu menghadapi kesangsian dan perbezaan pendapat sekalipun jika pada permulaannya, adalah lebih baik bagi pelajar menjauhkan diri daripadanya dan mempercayai gurunya; (e) ada sedikit kebiasaan dengan pelbagai perbezaan pendapat, kerana masing-masing menjelaskan yang lain (seperti yang diajar dalam falsafah Aristotle); (f) sentiasa merenung perhungan antara ilmu, amalan yang suci dan penghidupan; (g) pengabdian diri yang sepenuh jiwa raga kepada ilmu tanpa motif luaran, dari mana tidak ada kekurangan kemajuan dalam pelajaran-pelajarannya yang akan melemahkan semangatnya; (h) kesediaan untuk keluar mencari guru yang baik (berhubung dengan pengembaraan Muslim dalam mencari ilmu); dan (i) penghormatan yang besar kepada guru, hampir pada memuliakannya.

Adab-Adab Belajar

Berdasarkan ciri-ciri yang digariskan, maka dapat dinyatakan bahawa adab belajar mengikut perspektif Islam adalah seperti berikut: Seseorang pelajar hendaklah mempunyai sifat-sifat mazmumah iaitu mensucikan hati lahiriah dan batiniah daripada sifat-sifat yang tercela. Ilmu pengetahuan pula adalah ibadat batin mendekatkan jiwa kepada Allah. Jadi untuk mengesahkan ibadat batin ini, terpaksalah hati yang bertindak sebagai wadah (bekas) dicuci terlebih dahulu, agar ilmu pengetahuan itu suci daripada sifat-sifat tercela. Ini selaras dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud "ditegakkan agama atas kebersihan".

Pelajar hendaklah mengurangkan kesibukan dan menjauhkan dari berkecimpung dalam urusan duniawi. Malah kalau boleh hendaklah menjauhkan diri dari kaum keluarga dan kampung halaman. Pelajar mestilah tidak mempunyai sifat sombong kepada ilmunya dan jangan sekali-kali menentang gurunya. Seorang pelajar harus hormat dan berkhidmat kepada gurunya agar mendapat pahala dan kemulian di sisi Allah. Dalam hal ini, seorang pelajar tidak sepatutnya hanya mahu belajar kepada seseorang guru yang terkenal kealimannya. Hendaklah seorang pelajar mentaati segala tunjuk ajar guru dan meninggalkan pendapat diri sendiri. Seorang guru itu lebih berpengalaman secara lebih luas dan halus tindak-tanduknya, meskipun pengajarannya itu dirasakan amat ganjil dan pelik tetapi sebenarnya mempunyai faedah yang amat besar. Allah Ta'ala mengisahkan Nabi Khidir a.s. dan Nabi Musa a.s. (al-Kahf : 67 – 70) yang bermaksud "Engkau (Musa) tidak sanggup bersabar besertaku. Bagaimana engkau bersabar dalam persoalan yang belum berpengalaman di dalamnya. Jika engkau mengikut aku maka jangan bertanya sesuatu, sehingga aku sendiri akan mencerikakan kepadamu nanti".

Hendaklah seorang pelajar rajin bertanya kepada guru tetapi mengenai persoalannya yang dalam ruang lingkup yang diizinkan oleh gurunya. Allah berfirman dalam surah an-Nahl: 43 yang maksudnya "Bertanyalah kepada ahli ilmu jika kamu tidak mengetahui". Walau bagaimanapun dari segi adab, seseorang pelajar tidak digalakkan untuk bertanyakan soalan yang belum sampai peringkat pembelajaran atau pemahaman kerana ini adalah perbuatan yang dicela. Dalam perkembangan bearkaitan, Saidina Ali r.a berkata: "Hak dari seorang yang berilmu (guru), ialah jangan engkau banyak bertanya kepadanya! Jangan engkau paksakan dia menjawab, jangan engkau minta bila dia malas. Jangan engkau pegang kainnya bila dia bangun, jangan engkau siarkan rahsianya! Jangan engkau caci orang lain di hadapannya, jangan engkau tuntut kelalaiannya! Jika dia silap terimalah kemaafannya! Haruslah engkau memuliakan dan membesarkannya kepada Allah, selama dia menjaga perintah Allah. Jangan engkau duduk di hadapannya! Jika dia memerlukan sesuatu, maka ajaklah orang ramai menyegerakannya.".

Pada peringkat permulaan, pelajar hendaklah mengelakkan diri daripada mendengar pertentangan pendapat, iaitu daripada banyak guru, sama ada ilmu keduniaan atau akhirat. Pertentangan pendapat-pendapat itu akan mengusutkan fikiran, meragukan hati, melemahkan pendapatnya sendiri, mengetahui dan mendalami ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun setelah meneliti dan mengikuti satu cara sahaja atau dari seorang guru sahaja, maka kemudian dibolehkan mendengar mazhab-mazhab atau guru-guru lain untuk mendapat penyerupaan di antara pendapat-pendapat. Jika seorang guru itu hanya mengambil dan mengajar ilmu dan pendapat dari satu mazhab sahaja, pelajar hendaklah berwaspada. Menurut Imam Al-Ghazali, orang seperti ini lebih banyak menyesatkan dari memberi petunjuk. Ini adalah kerana pengajar itu dalam keadaan cetek dan mengenai perbahasan ilmu pelajaran.

Seorang pelajar itu hendaklah mempelajari semua mata pelajaran, jangan meninggalkan sebahagian yang lain kerana hanya mahukan maksud tertentu dan mata pelajaran yang diambilnya itu. Jika umur pelajar itu panjang, pelajarilah pula ilmu pelajaran itu secara mendalam. Jika dirasakan telah tua dan mungkin tidak sempat, maka pelajarilah bahagian yang lebih penting dan utama, seperti ilmu Fardhu Ain. Pelajar hendaklah mengetahui bahawa ilmu yang paling utama ialah "mengenal Allah Ta'ala".

Pelajar juga hendaklah memelihara tatatertib dan susunan dalam menuntut pelajaran. Jangan berpindah ke bahagian yang lain sebelum tamat bidang yang sedang dipelajari, kerana sebahagian ilmu pengetahuan itu menjadi jalan untuk mempelajari bahagian ilmu yang lain. Jangan ditinggalkan sesuatu pelajaran itu melainkan setelah benar-benar dikuasai sama ada dari segi ilmiahnya dan juga amalinya. Jangan mengambil kebenaran berdasarkan apa yang kamu lihat orang melakukan, kerana tidak semua orang mengetahui seluruh ilmu pengetahuan.

Sebaliknya hendaklah pelajar itu belajar secara ilmiah untuk mencapai kebenaran. Saidina Ali r.a berkata "Engkau tidaklah mengetahui kebenaran dari orang-orang. Tetapi ketahuilah (pelajarilah) kebenaran itu, barulah engkau akan mengetahui ahlinya (orang yang benar)".

Pelajar hendaklah mengenali ilmu yang paling mulia dengan cara melihat kepada hasilnya apabila akan membawa kepada kebahagiaan abadi di dunia dan di akhirat. Manakala ilmu alam akan membawa kepada kehidupan duniawi hidup (anak). Oleh itu ilmu agama mengenai Allah AzzawaJalla, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya dan ilmu menuju kepada Allah adalah paling mulia dan utama. Pelajar hendaklah sedar bahawa tujuan belajar adalah menghiasi dan mencantikkan hati dengan sifat-sifat keutamaan (sifat mahmudah). Jangan sekali-kali bertujuan menuntut ilmu untuk menjadi pemimpin, memperoleh harta dan kemegahan, melawan orang bodoh dan membangga diri. Pelajar yang sedang mempelajari ilmu akhirat, tidak seharusnya memandang hina pelajar yang mempelajari ilmu keduniaan, kerana mungkin ilmu keduniaan itu termasuk dalam bidang fardhu kifayah dituntut.

Dalam perkembangan yang sama, Ustaz Ismail Mahmood (1989) telah turut mengutarakan beberapa adab belajar mengikut perspektif Islam. Menurut beliau oleh kerana belajar sebagai salah satu tuntutan agama maka ia hendaklah didahului dengan niat yang ikhlas iaitu semata-mata untuk menuntut keredaan Allah Ta'ala selaras dengan hadis Rasulullah S.A.W (hadis sahih Bukhari dan Muslim) yang bermaksud "Sesungguhnya amalan-amalan itu dengan niat dan sesungguhnya bagi tiap-tiap seorang perkara itu dia niatkan". Ini bermakna dalam mengejar ilmu, seseorang pelajar itu tidak seharusnya mempunyai niat untuk mencapai tujuan-tujuan keduniaan seperti berharta, kepimpinan, kemukaan, mengatasi kawan-kawan yang sebaya dengannya dan juga mendapatkan pujian manusia. Firman Allah dalam surah al-Sura: 20 yang bermaksud "Barang siapa yang mahukan hasil (pahala) akhirat nascaya Kami tambah kepada padanya hasil dan barang siapa yang mahukan hasil dunia nascaya Kami berikan sebahagian daripadanya dan tidak akan ada bahagian pahala baginya di akhirat nanti".

Dalam surah al-Asra: 18, Allah berfirman bermaksud "Barang siapa mahu yang segera (dunia) nescaya Kami segerakan kepadanya di dunia ini mengikut apa yang kami kehendaki iaitu kepada orang yang kami mahukan". Sabda Rasullullah S.A.W. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud "Barang siapa yang belajar ilmu yang dibuat untuk mencari wajah Allah tetapi dia mempelajarinya bukan kerana itu bahkan kerana mendapatkan tujuan (barangan) dunia nescaya dia tidak mendapat bauan syurga di hari kiamat".

Salah satu adab belajar ialah seseorang pelajar itu tidak dibenarkan belajar kecuali daripada guru yang sempurna keahliannya, diyakini keilmuannya dan mashyur penjagaannya. Sesungguhnya Muhammad bin Sirim, Malik bin Anas dan lain-lain golongan salaf telah berkata yang maksudnya "ilmu ini sebagai agama, maka lihatlah kamu daripada siapa yang kamu akan ambil agama kamu." (Adab-Adab Berkaitan Dengan Al-Quran, 1989, hal. 43). Ini bermaksud seseorang pelajar itu haruslah memandang kepada gurunya dengan pandangan yang hormat, percaya dan yakin tentang kepakarannya yang sempurna dan dapat menandingi orang di peringkatnya. Islam menganjurkan agar pelajar itu bersedekah kepada gurunya dan sentiasa berdoakan gurunya dengan doa yang bermaksud "Wahai Tuhanku tutuplah keaiban guruku daripada aku dan jangan hilangkan keberkatan ilmunya daripadaku" (Adab-Adab Berkaitan Dengan Al-Quran, 1989, hal. 43).

Seseorang pelajar yang menghadiri sesuatu majlis ilmu hendaklah beradab dengan sifat-sifat yang ditunjukkan oleh 'ahli-ahli' seperti yang telah diriwayatkan daripada Ali bin Abi Talib yang maksudnya "Di antara hak guru ke atas kamu ialah kamu memberi salam kepada orang ramai secara umum dan kamu khususkan baginya dengan satu salam. Kamu duduk di hadapannya, jangan mengisyaratkan dengan tangan kamu di sisinya dan jangan mengerling dua mata kamu, jangan

kamu berkata; "Orang itu berkata berlainan dengan apa yang kamu kata. Jangan mengumpat di hadapannya, dan jangan berbincang dengan orang yang duduk bersamamu di dalam majlis. Jangan memegang kain apabila dia hendak bangun dan jangan mendesakkannya apabila dia malas dan jangan berpaling dengan sebab lama bersamanya" (Adab-Adab Berkaitan Dengan Al-Quran, 1989, hal. 44).

Selain itu pelajar hendaklah juga menutup umpatan orang lain terhadap gurunya sekiranya dia berkuasa. Jika sekiranya dia tidak dapat menolak maka adalah lebih baik dia meninggalkan majlis itu. Seseorang pelajar juga perlu berada dalam keadaan bersuci, bersugi serta lapang hati daripada perkara-perkara yang boleh menghalangnya apabila ia hendak masuk menemui gurunya. Adalah tidak wajar bagi pelajar masuk tanpa meminta izin sekiranya gurunya itu berada di tempat-tempat yang memerlukan kepada keizinan. Selain daripada mengucapkan salam kepada hadirin dan mengkhususkan salam kepada gurunya ketika hendak masuk, pelajar juga harus mengucapkan salam kepadanya dan hadirin ketika hendak pulang. Ini dinyatakan dengan jelas dalam hadis yang maksudnya "kerana salam yang pertama tidak lebih berhak dari salam yang kedua" (Adab-Adab Berkaitan Dengan Al-Quran, 1989, hal. 45).

Jika dilihat dari sudut kedudukan tempat duduk, pelajar yang datang lewat tidak dibenarkan melangkah tengkok atau belakang orang yang terdahulu daripadanya. Dia hendaklah duduk di tempat yang dia boleh sampai kecuali diizinkan oleh guru supaya ke hadapan atau dia mengetahui dari keadaan mereka bahawa mereka (pelajar-pelajar lain) mengizinkannya. Walaupun dia diberi keutamaan oleh pelajar lain, janganlah keadaan ini menyebabkan dia membangunkan seseorang dari tempat duduknya kecuali ada kemuslihatan kepada hadirin dalam mendahulukannya ataupun ada perintah daripada guru. Seseorang pelajar juga tidak seharusnya duduk di antara dua kawan melainkan mendapat keizinan kedua-duanya. Jika kedua-duanya melapangkan tempat duduk kepadanya bolehlah dia duduk dan merapatkan dirinya duduk bersama.

Pelajar-pelajar juga haruslah menjaga adab dan ketenteraman majlis berkenaan. Dia hendaklah duduk di hadapan guru sebagaimana duduk pelajar-pelajar bukan sebagai duduk guru-guru. Awasi diri agar tidak meninggikan suaranya dengan nyaring tanpa sebab, ketawa, bermain-main dengan tangannya dan sebagainya. Jangan berpaling ke kanan dan ke kiri tanpa sebab, bahkan hendaklah dia berhadapan dengan gurunya. Di antara perkara-perkara lain yang dituntut supaya diambil berat ialah tidak membaca di hadapan guru ketika kesibukan hatinya, ketika dia jemu, ketika dia tidak tenang dan pada ketika-ketika lain seumpamanya yang menghalangnya dari memberi penumpuan dan menyempurnakan tugas. Pelajar hendaklah rebut peluang pada masa-masa gurunya berada dalam keadaan yang cergas dan berupaya memberi penumpuan terhadap pengajaran.

Kekasaran dan keburukan perangai gurunya hendaklah dihadapi dengan sabar. Janganlah perkara-perkara ini menghalangnya dari mendampingi dan dari menyakini tentang kesempurnaan gurunya. Sekiranya guru telah melakukan kekasaran terhadapnya maka hendaklah dia meminta maaf daripada gurunya dan melahirkan bahawa kesalahan yang sebenarnya ialah daripadanya (bukan daripada gurunya). Hal ini adalah lebih memberi manfaat kepada dirinya di dunia dan di akhirat serta akan menyukakan hati gurunya. Para ulama ada menyatakan "Barang siapa yang tidak bersabar menghadapi kehinaan pengajaran nescaya berkekalanlah umurnya didalam kejahilan dan barang siapa bersabar dengannya nescaya pekerjaannya berakhir dengan kemuliaan akhirat dan dunia" (Adab-Adab Berkaitan Dengan Al-Quran, 1989, hal. 47).

Adalah tidak memadai sekiranya seorang pelajar itu mendapat sedikit sedangkan ia mampu mendapat lebih banyak. Oleh itu pelajar adalah dituntut supaya mengambil berat tentang pelajaran serta belajar dengan tekun. Walau bagaimanapun seorang pelajar tidak digalakkan membebankan dirinya dengan

sesuatu yang tidak mampu dilaksanakannya kerana ini akan menyebabkan dia berasa jemu dan kehilangan apa yang telah diperoleh sebelumnya. Hal ini bergantung kepada keadaan seseorang pelajar yang berkenaan.

Sekiranya pelajar datang ke majlis ilmu dan didapati gurunya masih belum tiba, dia hendaklah menunggu di muka pintu. Sekiranya dia mendapati gurunya sedang tidur atau sibuk dengan urusan penting maka janganlah dia meminta izin untuk masuk bahkan dia hendaklah bersabar sehingga gurunya terjaga atau sehingga lapang masanya, atau dia terus pulang. Seorang pelajar sepatutnya sentiasa membaca hafalannya dan tidak memberi gilirannya kepada orang lain, kerana pengutamaan kepada orang lain dalam kebaikan adalah makruh, berlainan dengan pengutamaan dalam bahagian kelazatan diri yang digalakkan. Sekiranya guru bermasalah dalam memberi pengutamaan lalu mengisyaratkan supaya seseorang pelajar itu berbuat demikian, maka pelajar tersebut hendaklah mematuhinya.

Pelajar tidak seharusnya berdengki dengan mana-mana pelajar dari kalangannya atau orang-orang lain atas kelebihan yang dianugerahi Allah. Ia tidak sepatutnya berasa hairan dengan keistimewaan yang diberikan Allah kepadanya. Untuk menghilangkan perasaan ini dia harus mengingatkan dirinya bahawa apa yang dihasilkannya bukanlah dihasilkan dengan usaha dan kekuatannya bahkan itu adalah kurniaan daripada Allah. Oleh itu dia tidak sepatutnya hairan dengan sesuatu yang bukan dijadikan olehnya bahkan perkara itu hanyalah sebagai simpanan (wadi'ah) yang diamanahkan oleh Allah kepadanya. Perasaan dengki pula akan hilang apabila dia mengetahui bahawa hikmat Allah menghendaki dijadikan kelebihan itu di tempat yang dikehendakiNya. Oleh itu dia tidak sepatutnya menentang dan tidak benci kepada hikmah yang dikehendaki dan dipersetujui oleh Allah Ta'ala.

Adab Membaca

Salah satu kegiatan utama atau aktiviti penting di dalam belajar ialah membaca atau mentelaah buku-buku pelajaran. Dalam hal yang berkaitan, adab membaca al-Quran seperti yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali (disesuaikan oleh Syaikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi terjemahan oleh Syed Ahmad Semait) dapat dijadikan panduan dalam menentukan adab membaca buku pelajaran. Menurut beliau, Imam al-Ghazali menggariskan dua adab yang harus dipatuhi ketika membaca al-Quran iaitu pertama tertib lahiriah dan kedua tertib batiniah. Tertib-tertib lahiriah yang harus diikuti ketika membaca al-Quran adalah hendaklah berada di dalam keadaan bersih iaitu berwuduk terus menerus dengan penuh adab dan tenang. Dia boleh membaca secara berdiri atau duduk, tetapi sebaik-baiknya mestilah mengadap kiblat, menundukkan kepala, tidak duduk secara bersilang kaki, tidak bersandar ataupun duduk seperti orang-orang yang sombong (takabur). Tidak salah membaca al-Quran tanpa berwuduk atau dalam keadaan berbaring di atas tempat tidur, tetapi hanya akan mengurangkan pahalanya. Ini selaras dengan firman Allah yang bermaksud dalam surah al-Imran : 191 yang bermaksud: "Mereka yang mengingati Allah (berzikir) dalam keadaan berdiri dan duduk dan ketika berbaring serta memikirkan tentang kejadian petala langit dan bumi".

Pembacaan al-Quran mestilah dalam berkadar iaitu dibaca setiap hari sama ada banyak atau sedikit. Dalam perkembangan berkaitan Usman Zaid bin Tasbit, Ibu Massaud dan Ubai bin Ka'ab r.a. melakukan pengkhataman al-Quran pada tiap-tiap hari Jumaat dengan membahagikan pembacaannya kepada tujuh hizib (bahagian al-Quran). Membaca al-Quran dengan talqin atau membaca dengan lagu dan tajwid. Ini sangat dituntut kerana tujuan utamanya ialah memikirkan maksud-maksudnya. Pembacaan sedimikian menandakan penghargaan dan penghormatan dan akan meninggalkan kesan yang mendalam di hati daripada membacanya secara tergesa-gesa atau sambil lewa sahaja.

Menangis ketika membaca al-Quran amat dituntut kerana kehibaan di hati memikirkan ayat-ayat yang berunsur ancaman dan kecaman serta janji-janji Allah

berserta orang-orang yang melanggar perintahnya. Dalam konteks mentelaah mata pelajaran, kita mesti menginsafi kebesaran Allah sebagai pemilik ilmu yang mutlak. Oleh yang demikian, hendaklah dimulai pembacaan dengan terlebih dahulu membaca ayat al-Quran yang bermaksud "Aku berlindung dengan Allah yang maha mrendengar lagi maha mengetahui daripada syaitan yang terkutuk".

Pembacaan al-Quran hendaklah dengan suara yang rendah. Membaca sedemikian adalah lebih selamat daripada perasaan riak dan menunjuk-nunjuk kepada orang ramai. Namun begitu pembacaan yang nyaring adalah dituntut selagi pembacaan itu tidak menimbulkan sifat riak dan selagi tidak mengganggu orang lain. Memperindahkan pembacaan dan mentertibkan supaya tidak dibaca terlalu panjang sehingga merosakkan susunannya. Di antara hadis-hadis Rasullullah S.A.W. yang berkaitan ialah yang bermaksud "Perindahkanlah (bacaan) al-Quran dengan suara kamu" dan "Tidak dikira dalam golongan kami, orang yang tiada membacanya dengan suara yang baik".

Rumusan & Kesimpulan

Ilmu sebagai komponen utama dalam pendidikan mempunyai proses-proses tertentu. Di antara kegiatan yang terpenting ialah proses belajar dan mengajar. Kedua-dua kegiatan tersebut adalah melibatkan pelajar atau pelajar yang berperanan untuk menuntut ilmu di satu pihak manakala guru pula berfungsi sebagai pembimbing dan pemberi ilmu pengetahuan di pihak yang lain. Ajaran agama Islam sebagai panduan hidup (ad-din) seluruh umat manusia telah dilengkapi dengan panduan-panduan yang sempurna untuk umatnya mengharungi hidup bukan sahaja untuk kebahagiaan hidup di dunia tetapi juga untuk kebahagiaan di akhirat. Kebahagiaan di dunia meliputi hubungan manusia sesama manusia dan alam sementara kebahagiaan di akhirat pula adalah merangkumi hubungan manusia dengan Allah Ta'ala.

***Catatan**:*

Artikel ini merupakan sebahagian artikel penulis semasa mengikuti pengajian ijazah pertama di Universiti Utara Malaysia.